

01/11/2003

Bijak guna kaedah diplomasi

Kadir Dikoh

PADA kaca mata wartawan, pendekatan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memang jauh berbeza.

Abdullah atau lebih mesra dipanggil Pak Lah, lebih suka untuk tidak mengeluarkan kenyataan berbentuk kontroversi, provokasi atau menyanggah pihak lain kerana beliau lebih mirip memilih pendekatan sebagai seorang pemimpin yang berhati-hati serta penuh berdiplomasi.

Mungkin kerana latar belakang agamanya yang kuat dan terlatih dalam bidang diplomatik serta sebagai pegawai kerajaan dan Menteri Luar sebelum

ini, mempengaruhi pendekatan beliau dengan gaya tersendiri.

Diakui kadang-kala sukar untuk mendapat "berita panas" daripada Pak Lah,

tetapi itulah caranya yang tidak gopoh mengeluarkan kenyataan sehinggalah

sesuatu isu itu sudah agak pasti, barulah beliau akan bercakap mengenainya.

Ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak

berselerak. Itulah cara Pak Lah apabila membuat sesuatu kenyataan tanpa menyinggung hati pihak lain dan pendekatan ini dikatakan membimbangkan parti pembangkang Pas apatah lagi dengan latar belakang agama Pak Lah yang

tidak mudah diperlekehkan Pas selepas ini.

Berbeza dengan Dr Mahathir, Pak Lah kadang-kala memanggil nama wartawan

atau bermesra dengan mereka termasuk mengusik seperti menepuk belakang atau 'menumbuk-numbuk' perut wartawan lelaki sama ada sebelum atau selepas

sesuatu sidang akhbar.

Kemesraan itu menyebabkan wartawan berasa lebih selesa dengannya.

Pernah dalam satu sidang akhbar Pak Lah secara tiba-tiba menyapa seorang

wartawan wanita yang baru pulang daripada membuat liputan peperangan di Iraq beberapa bulan lalu dan bertanya bila wartawan itu balik ke tanah air.

Kalau Dr Mahathir terkenal dengan ungkapan "ahh apa nak tanya" sebelum memulakan sidang akhbar, Pak Lah pula dengan ungkapan tersendiri.

Antara lain beliau akan berkata "hai, ramainya wartawan hari ini," "ah, cepat apa nak tanya" atau "tak ada soalan?"

Seperti Dr Mahathir, Pak Lah juga tajam pemikirannya dan apabila diajukan soalan berbentuk provokasi, beliau akan menjawabnya secara sinis

tetapi penuh diplomasi.

Kadang-kala jawapannya mungkin menghampakan wartawan yang bertanya, tetapi kesannya ialah tiada pihak yang akan tersinggung apabila kenyataannya mengisi dada akhbar keesokan hari.

Tanyalah apa saja mengenai isu pilihan raya umum, soal jawatan timbalan

perdana menteri yang baru atau pengagihan kerusi di kalangan parti komponen. Beliau akan menjawabnya tetapi jawapannya amat konsisten iaitu "belum tiba masanya untuk bercakap mengenai hal itu, "jangan buat spekulasi", "saya belum angkat sumpah lagi".

Itulah antara isu yang kerap diajukan kepada Pak Lah sejak kebelakangan ini kerana semuanya itu akan ditentukan oleh beliau selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Dr Mahathir.

Pendekatan Pak Lah yang tidak mahu mengeluarkan kenyataan yang "belum layak" dibuatnya kerana bos iaitu Dr Mahathir masih lagi Perdana Menteri,

menyebabkan beliau dilihat sebagai orang nombor dua yang setia, patuh kepada ketua dan tidak menyaingi apatah lagi melebihi bosnya.

"Anda tengoklah nanti bila Pak Lah sendiri jadi bos, kenyataannya akan lebih berbentuk 'authoritative' dan pasti beliau akan menjadi buruan wartawan untuk berita panas lagi menyengat," kata seorang rakan wartawan.

Ketika isu mengenai Dateline SBS TV dari Australia yang melaporkan Institut Antarabangsa Pemikiran Islam (IIIT) di Washington, pernah dianggotai Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai seorang daripada tiga pengarahnya, dituduh di Amerika Syarikat (AS) membiayai kegiatan pengganas ditimbulkan minggu lalu, Abdullah tidak mahu mengulas.

"Tiada komen, tiada komen, biarlah masyarakat baca laporan mengenainya dulu," katanya di Kepala Batas.

Laporan program itu juga mendedahkan IIIT menghantar sejumlah besar wang, dipercayai RM300,000, kepada anak perempuan Anwar, Nurul Izzah, sebagai biasiswa walaupun jumlah itu melebihi apa yang diperlukan untuk pengajiannya.

Dateline hasil laporan Ginny Stein, seorang wartawan penyiasatan yang pernah memenangi anugerah, juga mengaitkan Kempen Antarabangsa Untuk Bebaskan Anwar (IFAC) kepada penyumbang kewangan al-Qaeda, dengan menamakan Rahim Ghouse, pemimpin IFAC dan rakan niaganya Dr Wan Hasni Sulaiman, sebagai mempunyai hubungan perniagaan dengan Sheikh Yassin Al-Qadi, yang didakwa di AS kerana membiayai kegiatan pengganas dan diisytihar sebagai pengganas di Singapura.

Ketika berucap pada majlis Anugerah Kewartawanan TV Nasional/TV3, di Petaling Jaya Ogos lalu, Pak Lah mengingatkan wartawan tempatan sentiasa mengamalkan ciri-ciri yang melambangkan kepakaran dan profesionalisme dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Katanya, bagi mencapai matlamat itu, kecemerlangan harus dijadikan sasaran utama bagi setiap wartawan. "Laporan berkualiti perlu mempamerkan kekuatan intelek wartawan dan kebolehannya dalam menganalisis isu secara matang."

Dalam satu sesi dialog bersama media Jepun di Japan National Press Club, di Tokyo Julai lalu, Pak Lah yang ditanya oleh wartawan Jepun mengenai pendirian dan dasar Malaysia dengan Amerika Syarikat berkata, Malaysia mempunyai hubungan dua hala yang baik dengan Amerika terutama dalam kerjasama perdagangan.

"Kami bukan anti-Amerika. Kami menjalin hubungan yang baik dalam banyak

bidang dan Malaysia juga bekerjasama dalam membantu menangani keganasan," katanya.

Bukan mudah sebenarnya untuk wartawan mendekati Pak Lah. Penulis sendiri buat kali pertama bersua dengan Pak Lah yang ketika itu masih Menteri Luar, apabila membuat liputan mesyuarat Menteri Luar Asean di Brunei pada Ogos 1995, terpaksa berkaraoke terlebih dulu untuk merapatkan diri bagi menemuramahnya secara eksklusif.

Ketika itu kami bersama-sama belayar dalam sebuah bot mewah tajaan kerajaan Brunei pada satu malam selepas berakhirnya persidangan itu dan Pak Lah bersama isteri dan pegawai kanan Wisma Putra sedang menikmati keindahan Brunei waktu malam dari dalam sebuah bilik di atas bot.

Sebagai satu-satunya wartawan yang turut serta, saya mengambil kesempatan sepenuhnya untuk mendapat berita eksklusif daripada Pak Lah.

Seorang pegawai meminta penulis menyanyi dengan mendendangkan lagu Widuri dan kesempatan selepas itu digunakan untuk duduk di sebelah Pak Lah dan menemuramahnya.

Malah, beberapa jam sebelum itu pun, Pak Lah bagaikan editor apabila berdiri di belakang penulis ketika sedang menyiapkan berita terakhir mengenai sidang itu menggunakan laptop di ruang tamu rumah rehat tetamu Assarraa, tempat Pak Lah menginap.

Pak Lah membetulkan intro berita itu dan katanya, itulah mesej sidang berkenaan. Kemudian, secara nakal saya menulis nota pada bahagian atas berita itu untuk dihantar ke Kuala Lumpur berbunyi "berita ini sudah diedit oleh Menteri Luar, Pak Lah - cleared & ok".

Ketika itu, Asean secara rasmi menerima penyertaan Vietnam sebagai negara komunis pertama menjadi kerabatnya dan anggota ketujuh.

Bagi wartawan asing, mereka mungkin belum memahami gaya Pak Lah kerana bagi mereka, apa yang penting ialah seseorang Perdana Menteri yang berani mengeluarkan kenyataan berbentuk provokasi, itulah menjadi buruan mereka.